

EK

BELANJAWAN JIMAT CERMAT TAHUN DEPAN; KATA MAHATHIR

DARIPADA SYED JAMIL JAAFAR

NASSAU (BAHAMAS), 19 OKT (BE BERNAMA) -- RAKYAT MALAYSIA AKAN MENGHADAPI BELANJAWAN BERJIMAT-CERMAT TAHUN DEPAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

+ KITA TIDAK MEMPUNYAI WANG.

+ OLEH ITU, KITA PERLU BERJIMAT-CERMAT DALAM BELANJAWAN, + KATANYA KEPADA PARA WARTAWAN MALAYSIA DI SINI.

BELANJAWAN 1986 AKAN DIBENTANGKAN DI PARLIMEN JUMAAT DEPAN.

KETIKA DITANYA ADAKAH IA MERUPAKAN BELANJAWAN PILIHANRAYA, PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP KALI BELANJAWAN TAHUNAN DIBENTANGKAN, ADA SPEKULASI YANG MENYATAKAN IA MERUPAKAN BELANJAWAN PILIHANRAYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA, APABILA KERAJAAN MENGURANGKAN ATAU MENGHAPUSKAN CUKAI, INI TIDAK BERMAKNA IA MERUPAKAN BELANJAWAN PILIHANRAYA.

+ KITA MENDAPATI BAHAWA SETIAP KALI KITA BERBUAT DEMIKIAN, KITA SERING MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG LEBIH, + KATANYA.

MENGENAI TUNTUTAN CUEPACS, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN BERSETUJU UNTUK BERBINCANG TETAPI BUKAN DENGAN ANCAMAN.

TENGAH HARI SEMALAM, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG TELAH MEMBUAT UCAPAN TERBUKA PADA HARI PEMBUKAAN SIDANG KOMANWEL, BERSETUJU UNTUK DIINTERBIU OLEH ASSOCIATED PRESS.

SEBELUM INI, BELIAU TELAH DIINTERBIU OLEH RANGKAIAN TELEVISYEN BEBAS (ITV) BRITAIN DAN PERBADANAN PENYIARAN BRITISH (BBC).

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERTAI PERBAHASAN MENGENAI AFRIKA SELATAN PADA SESI PAGI SEMALAM DAN KEMUDIAN MEMULAKAN PERBAHASAN MENGENAI ISU-ISU EKONOMI ANTARABANGSA.

BELIAU KEMUDIAN KE LYFORD CAY BERSAMA-SAMA KETUA-KETUA KERAJAAN YANG LAIN PETANG SEMALAM UNTUK BEREHAT Hujung Minggu.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN HANYA BERADA SELAMA SATU MALAM DI LYFORD CAY, 25 KM DARI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN BERLEPAS PULANG HARI INI. (20 OKT. MALAYSIA).

--- BE BERNAMA